



Headline: Juruteknik rugi RM8,850 selepas serah nombor TAC Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 1 March 2020

Section: Negeri
Page: 42

Juruteknik rugi RM8,850 selepas serah nombor TAC

DUNGUN - Seorang juruteknik kerugian RM8,850 selepas menyerahkan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) akaun banknya kepada individu tidak dikenali gara-gara terlalu takut apabila dimaklumkan terlibat dengan perjudian haram.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendant Baharudin Abdullah berkata, mangsa berusia 58 tahun dari Sura Jetty di sini menerima panggilan daripada seorang wanita pada Rabu lepas.

“Wanita terbabit memperkenalkan diri sebagai pegawai dari Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan memaklumkan nombor kad pengenalan mangsa dikesan digunakan untuk aktiviti perjudian haram.

“Suspek menyambungkan talian kepada Sarjan Nazarul dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang sebelum mangsa diminta menyerahkan nombor akaun bank miliknya,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Baharudin berkata, disebabkan terlalu takut, mangsa menyerahkan nombor TAC akaunnya sebelum tersedar dirinya ditipu.

“Mangsa kemudiannya pergi ke cawangan bank tersebut untuk membuat semakan.

“Mangsa terkedu apabila dimaklumkan wang di dalam akaunnya berjumlah RM8,850 sudah dikeluarkan,” katanya.

Katanya, mangsa membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.